



# BENGKEL PEMBANGUNAN DASAR & GARIS PANDUAN JABATAN HEPA

02.2009 17:12

Oleh : Mohd Hakam Hassan

Dalam usaha untuk memperkemaskan lagi sistem urus tadbir perkhidmatan yang sedia ada di jabatan dan selaras dengan tuntutan semasa universiti, Pengurusan Jabatan HEPA telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Dasar dan Garis Panduan Jabatan HEPA. Bengkel ini telah diadakan pada 3 hingga 4 Februari 2009 bertempat di Bilik Mesyuarat Jabatan, di Jalan Serawak, Kuala Perlis.

Bengkel ini telah dihadiri oleh kesemua kakitangan pelbagai lapisan di Jabatan HEPA dari kakitangan peringkat Pengurusan, peringkat Kumpulan Sokongan I dan peringkat Kumpulan Sokongan II. Antara objektif pelaksanaan Bengkel Pembangunan Dasar dan Garis Panduan jabatan ini adalah untuk membangunkan dan memurnikan dasar-dasar dan garis panduan yang perlu bagi jabatan dalam mendepangi keperluan untuk mewujudkan satu sistem urus tadbir dan perkhidmatan kepada pelanggan jabatan. Ianya juga merupakan sebahagian daripada proses untuk menjadikan Jabatan HEPA sebagai sebuah jabatan yang berdaya saing di UniMAP.

Dalam bengkel ini pelbagai dasar dan garis panduan yang telah dibentangkan oleh pegawai-pegawai bagi setiap unit di jabatan yang meliputi; Pentadbiran Jabatan, Kewangan Jabatan, Proses mengendalikan aktiviti pelajar dan beberapa lagi perkara yang melibatkan pelajar. Menurut Encik Razli Ahmad selaku Dekan Jabatan HEPA, beliau melihat pelaksanaan bengkel sebegini terutamanya yang melibatkan semua lapisan kakitangan adalah sesuatu yang amat baik kerana dalam setiap pembentangan dasar dan garis panduan yang dilakukan, semua lapisan kakitangan yang hadir akan dapat mengambil maklum dan perhatian serta memahami setiap dasar-dasar dan garis panduan yang telah dibentangkan. Dan hasilnya nanti, semua kakitangan di jabatan akan dapat bersama-sama melaksanakan setiap dasar-dasar dan garis panduan tersebut di jabatan dengan efektif dan berkesan, seterusnya dapat menyumbangkan kepada peningkatan keberkesanannya sistem urus tadbir jabatan.